

Meneroka Permasalahan Tenaga Modal Insan dalam Industri Filem di Malaysia

Abdul Razak Haja Mohaideen
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Mohd Syuhaidi Abu Bakar*
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Corresponding email: syuhaidi@salam.uitm.edu.my

Abstrak

Kutipan tiket bagi semua filem tempatan semakin menurun dari tahun ke tahun. Kutipan tiket pada tahun 2015 adalah sebanyak RM52 juta, kutipan pada tahun 2017 adalah RM50 juta tapi kutipan semua filem tempatan sehingga bulan Julai 2018 adalah hanya RM20 juta. Para penyelidik mengaitkan kutipan ini berpuncak daripada tenaga kerja (modal insan) dalam industri itu sendiri. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual informan daripada industri filem di Malaysia. Dapatan kajian mendapati informan secara berulang telah mengkategorikan permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia kepada enam kategori permasalahan iaitu Permasalahan Kekurangan Dana dan Modal, Mutu Skrip, Ketiadaan Skrip Simpanan dalam Bank Skrip di FINAS, Perebutan Slot Tayangan, dan Kelemahan Naratif. Hasil dapatan ini diharapkan dapat membantu pihak kerajaan dan pihak industri untuk sama-sama mencari jalan penyelesaian dan meningkatkan potensi tenaga modal insan dalam industri perfileman di Malaysia.

Kata Kunci: Industri filem Malaysia, Tenaga Modal Insan, FINAS.

Exploring Human Capital Issues in the Film Industry in Malaysia

Abstract

Ticket sales for all local films have been declining from year to year. The figures in 2015 were at RM52 million and decreasing to RM50 million in 2017. The trend continues to worsen in July 2018 when gross selling tickets accumulated at only RM20 million. Researchers linked this poor collection with the workforce (human capital) aspect within the industry itself. This study uses a qualitative method by interviewing informants from the film industry in Malaysia. The findings show that informants have repeatedly categorized the problems of human capital in the film industry in Malaysia to six categories of problems namely fund and capital deficiency problems, script quality, Bank Scripts Issues at FINAS, slot screening, and narrative weaknesses. The findings of this study are expected to help the government and the industry to seek solutions and enhance the potential of human capital in the film industry in Malaysia.

Keyword: Malaysian film industry, Human Capital, FINAS.

Pengenalan

Filem adalah satu wadah dan alat berhubung mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan keperluan awam (khalayak massa). Filem juga adalah medium elektronik bergambar yang mula-mula diperkenalkan kepada masyarakat sebelum terciptanya televisyen. Namun ianya berbeza dengan radio kerana filem dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan gabungan bunyi dan gambar (Asiah, Faridah dan Mazni, 2009). Menurut Hashim, Aziz dan Ibrahim (2014), keadaan industri perfileman di Malaysia boleh dikatakan sudah beralih dari suatu keadaan yang dilihat tidak baik pada suatu masa dahulu kepada suatu keadaan yang semakin baik kebelakangan ini. Sejak tertubuhnya Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) pada tahun 1981, banyak perkembangan dapat dilihat dari sudut perkembangan industri perfileman. Ketika itu bantuan kewangan dari FINAS telah diterima oleh para pembikin filem.

Secara umumnya senario yang berbeza berlaku pada tahun 1960-an dan 1970-an ketika banyak studio ditutup akibat kekangan kos produksi. Manakala pada tahun 1940-an dan 1950-an pula, industri filem Melayu mencatatkan zaman kegemilangannya di Singapura (Laporan FINAS, 2007). Industri hiburan mencakupi satu skop yang luas. Industri filem merupakan sub-set kepada dunia hiburan. Industri filem di Malaysia mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri filem di Malaysia telah melalui pelbagai isu dan cabaran dalam dekad yang berlalu sehingga kini.

Permasalahan Kajian

Menurut Ismail Sualman (2007), pembangunan material dan prasarana adalah penting dan perlu ada bagi memastikan perkembangan pembangunan, namun ianya tidak memadai. Manusia perlu diperkasakan sebagai individu kepada pembangunan komuniti. Pembangunan modal insan pula tidak dapat digerakkan jika tidak menjadikan manusia sebagai modal. Pendekatan pembangunan manusia atau modal insan perlu membabitkan agensi-agensi di peringkat mikro dan makro. Ini akan memberi ruang untuk pemerksaan manusia atau modal insan. Malaysia, sebagai sebuah negara kecil dengan hanya kira-kira 30 juta penduduk dan ia bukanlah satu pasaran yang mencukupi untuk pengeluaran filem tempatan dalam skala yang besar. Jualan tiket filem-filem di Malaysia juga menunjukkan penurunan yang membimbangkan. Contohnya kutipan bagi semua filem tempatan pada tahun 2014 adalah RM74 juta, penurunan yang besar dari 2015 (RM52 juta). Kutipan semua filem tempatan pada Oktober 2017 adalah RM34 juta tapi kutipan semua filem tempatan sehingga bulan Jun 2018 adalah hanya RM19 juta.

Bagi meningkatkan kreativiti dan produktiviti sesebuah negara, modal utama yang perlu dilaburkan adalah manusia. Ahli ekonomi percaya bahawa pelaburan ini akan memberi faedah dan peningkatan kreativiti dan produktiviti sesebuah negara akan berlaku. (Mauzy Harriman, 2003; Schultz, 1971). Justeru, kebanyakan teori pembangunan modal insan sering memaparkan bahawa ilmu pendidikan yang sempurna dalam sesebuah populasi akan mewujudkan kumpulan yang produktif. Justeru itu, Teori Pembangunan Modal Insan sering menjadikan proses ilmu

pendidikan sebagai asas kepada peningkatan produktiviti dan tenaga kerja yang efisien. Oleh kerana kutipan filem yang semakin menurun, kajian ini dijalankan untuk melihat perkara ini secara lebih dalam dan ingin meneroka faktor-faktor permasalahan yang melibatkan modal insan dalam industri filem di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Menurut Abdul Rahman (2007), pemerksaan modal insan boleh dilakukan melalui peningkatan keupayaan dan kompetensi individu. Ia memerlukan usaha di peringkat makro (struktur) melalui pewujudan pelbagai institusi pemboleh yang sesuai, dan menyediakan pelaburan yang mencukupi dalam pelbagai bidang, khususnya dalam pendidikan, kesihatan, serta kemudahan prasarana yang berkualiti bagi menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik dan berkualiti. Manakala agensi di peringkat mikro pula perlu mengambil peluang bagi menjayakan proses pembinaan keupayaan mereka dan menyumbang kepada negara.

Menurut Mohd Adnan, Khairuddin dan Ismail (2011), modal insan terdapat dalam diri manusia yang mana ianya tidak dapat dilihat kerana ia hak mutlak, milik terhad pada keupayaan yang dimiliki manakala modal fizikal dapat dilihat, dipegang dan dipindah milik tetapi Modal fizikal juga mempunyai jangka hayat dengan berlakunya pengurangan mengikut jangka waktu. Modal insan pula bergantung kepada proses pendidikan dan latihan. Nilai dirinya akan meningkat jika dia memanfaatkan perkembangan teknologi dan perkembangan baru. Sebaliknya jika hanya bergantung kepada pendidikan pertama maka tiada peningkatan nilai dalam dirinya.

Namun pembangunan modal insan dalam industri perfileman di negara ini berada dalam kepincangan dan memerlukan bedah siasat (Shafii, Musa, Meryam and Rahman, 2009). Kepincangan ini disebabkan kurang memberi penekanan mengenai kualiti modal insan dalam kalangan pekerja filem selain faktor-faktor ransangan yang membolehkan produk perfileman dapat dipasarkan di luar negara. Sungguhpun matlamat pembangunan negara adalah menjadi negara maju mengikut 'acuan

sendiri', Justeru, apa sahaja strategi dan program pembangunan yang telah di laksana, sedang di laksana dan akan dilaksanakan seharusnya mengambil kira terhadap manusia itu sendiri, supaya pembangunan yang dihasilkan bersifat mesra manusia dan akhirnya dapat memberi kesejahteraan kepada manusia itu sendiri. Apa yang cuba dijelaskan di sini adalah dengan memasukkan elemen elemen ini, ianya akan menjiwai manusia daripada aspek nilai-nilai murni seperti kejujuran, keikhlasan, kebertanggungjawaban, adil dan saksama, berintegriti dan sebagainya (Shafii, et al., 2009).

Modal fizikal boleh diukur dan dihitung dan pulangan dari modal fizikal dapat dilihat dengan senang tetapi keadaan ini berbeza apabila kita cuba mengukur atau menghitung pulangan modal insan. (Abdul Rahman Ahmad, 2006). Keadaan ini wujud dalam dunia perfileman kerana pengukuran kepada kejayaan sesebuah filem box-office lebih tertumpu kepada filem yang mempunyai pelaburan atau kos yang tinggi, berbanding dengan karyawan dan mereka yang terlibat dalam pembikinan filem berkenaan (Ismail Sualman, 2007; Mohd Adnan et al., 2001). Sedangkan asas kepada kejayaan industri perfileman Malaysia bukan hanya memfokuskan kepada kos produksi semata-mata, namun juga bergantung kepada sumber manusia yang terlatih di dalam industri tersebut. Tahap mutu pengeluaran filem-filem tempatan mencerminkan tahap profesionalisme tenaga kerja produksi perfileman tempatan. Apa yang dipaparkan di layar perak sebenarnya adalah pencapaian semasa seluruh tenaga kerja yang terlibat di dalam produksi filem-filem tempatan.

Menurut Fuziah Kartini, Faridah Ibrahim dan Mohd Safar Hasim (2009), industri perfileman tempatan amat memerlukan tenaga kerja mahir di dalam membantu meningkatkan mutu filem negara ke tahap yang boleh dibanggakan. Pengurusan modal insan adalah satu aspek yang perlu diberi penekanan jika kita hendak memajukan industri perfileman tempatan. Melalui kajian pemerhati industri filem tempatan mendapati, tenaga kerja krew perfileman tidak mendapat latihan formal yang mencukupi. Apabila tenaga kerja tidak mendapat latihan formal maka mutu kerja mereka memperlihatkan betapa mereka tidak mahir di dalam jawatan kreatif yang mereka pegang di dalam sebuah pasukan krew perfileman.

Ismail Sualman (2007) merumuskan bahawa industri filem tempatan mestilah melihat faktor-faktor modal insan seperti, kemahiran, komitmen kerja, motivasi, kepuasan kerja, produktiviti, dan kepuasan berkomunikasi sebagai pemacu kejayaan sesebuah produksi yang dihasilkan. Cara terbaik untuk memasuki kerjaya dalam industri perfileman memerlukan komitmen dan motivasi yang tinggi serta persediaan bagi mengumpul pengetahuan dan kemahiran. Hal ini demikian kerana kejayaan dalam sesuatu produk penerbitan dalam bentuk video atau filem memerlukan pengetahuan teknologi dan kemahiran teknik-teknik penggambaran serta suntingan. Kajian juga menunjukkan bahawa 65% penggiat filem terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai kelayakan atau pendidikan khusus dalam bidang perfileman atau penyiaran. Hanya mereka yang mempunyai pengalaman melalui kerjaya dan minat dan motivasi yang tinggi sahaja yang mampu bertahan dalam industri ini (Mohd Adnan et al., 2011).

Namun menurut Mohd Adnan et al., (2011) secara keseluruhannya penggiat filem di Malaysia khususnya syarikat milik Bumiputera tidak mempunyai sistem perancangan dan juga pentadbiran yang baik. Kebanyakan filem-filem yang diterbitkan banyak bergantung kepada dana kerajaan atau pinjaman bank menyebabkan produksi perlu dilakukan secara “segera” dalam tempoh masa yang terhad. Ini disebabkan pihak produksi tidak mahu menanggung kos yang tinggi kerana menyewa peralatan, krew dan melantik pekerja sambilan (Mohd Adnan et al., 2011). Keadaan ini menyebabkan kebanyakan krew dan tenaga kerja malah artis yang ditampilkan kurang mempunyai kualiti yang diperlukan. Jelas di sini menunjukkan bahawa industri perfileman di Malaysia kurang memberi penekanan terhadap modal insan dalam tugas harian mereka.

Memandangkan kebanyakan penggiat filem bekerja secara sambilan, maka mereka kurang memberi penekanan terhadap persoalan motivasi diri (Asiah et al., 1999). Malah pihak pengurusan dan penerbit kurang memberi motivasi intrinsik dan ekstrinsik kepada pekerja-pekerja filem dan krew. Sedangkan faktor motivasi diri amat penting dalam industri perfileman kerana dapat menjana kepuasan dalam diri pekerja dan seterusnya meningkatkan produktiviti mereka. Ini selaras dengan kenyataan Corkin, Ekmekci dan Parr (2018) bahawa motivasi diri adalah

seiring dengan produktiviti dalam setiap persekitaran pekerjaan. Pekerja yang bermotivasi tinggi dalam industri perfileman biasanya akan rajin bekerja dan menghasilkan kualiti kerja yang terbaik. Manakala mereka yang mempunyai motivasi kerja yang rendah akan membuat kerja sambil lewa dan sekadar memenuhi keperluan kerja sahaja. Ini bermaksud mereka yang mempunyai motivasi diri yang kental dan bersemangat sahaja yang akan bertahan lama dalam industri perfileman (Mohd Adnan et al., 2011).

Motivasi yang diberikan kepada pekerja termasuklah soal ganjaran, kenaikan gaji, peluang kenaikan pangkat, dan keselesaan di tempat kerja. Namun pekerja yang bermotivasi tidak semestinya komited terhadap organisasi (Tadić Vujčić, Oerlemans dan Bakker, 2017). Menurut beliau lagi, segelintir pengurus tidak sanggup menghantar stafnya menghadiri latihan kemahiran kerana tidak menyedari kepentingan latihan. Malah segelintir pengurus menganggap latihan mahal dan membazir atau membuang masa. Keadaan ini mengakibatkan tingkah laku, sikap, pengetahuan dan kemahiran tertentu tidak dapat disuntik kepada para pekerja. Fenomena ini menjejaskan komitmen organisasi.

Walaupun industri perfileman menyumbang dari segi perkembangan budaya dan kreativiti negara, namun pada hakikatnya kerjaya industri perfileman lebih bersifat ‘sementara’ dan kurang diberikan perhatian sewajarnya dalam masyarakat (Mohd Adnan et al., 2011). Menerusi kajian seperti ini, banyak manfaat boleh diperolehi sebagai usaha berterusan menerokai peluang dan alternatif baru untuk memperkasakan pengurusan modal insan dalam industri perfileman yang bersifat realistik. Kajian ini juga diharap menjadi platform berkesan untuk pemantapan strategi, pembentukan hala tuju, pengukuhan organisasi dalam pembangunan pengurusan modal insan secara holistik. Tambahan pula dapat membantu pihak yang berkaitan dapat memastikan rakyat bekerja dalam suasana persekitaran yang memberangsangkan demi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Sebenarnya motivasi diri amat penting dapat mempengaruhi penampilan pekerja sekiranya kurang diberikan atau sering diberikan perhatian kepada pekerja. Menurut Werther dan Davis (1996) pekerja yang tidak mendapat

motivasi, mereka ini berkecenderungan untuk mencari kerja lain, ponteng kerja, atau kurang bersemangat untuk bekerja dan pelbagai masalah dalaman yang timbul. Ini menyebabkan mutu kerja mereka ini semakin hari semakin merosot. Manakala pekerja yang sering mendapat motivasi dan galakan dari majikan pula akan berkecenderungan untuk melakukan pekerjaan mereka dengan bersungguh-sungguh, berkeyakinan tinggi, bersemangat dan mutu kerja mereka juga menunjukkan peningkatan.

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah diandaikan bahawa industri perfileman belum mencapai tahap pengurusan dan pembangunan modal insan yang mampu meningkatkan kualiti produk perfileman cereka di Malaysia. Walaupun pekerja filem rata-rata terdiri daripada mereka yang mempunyai daya kreativiti yang tinggi, namun penglibatan mereka dalam industri ini masih belum mendapat pengiktirafan sepenuhnya oleh pihak berwajib. Ini menyebabkan industri perfileman cereka di Malaysia susah untuk berkembang kerana faktor modal insan tidak menjadi kriteria utama dalam penglibatan mereka dalam industri ini.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia dalam kumpulan fokus. Informan kajian ini dipilih dengan menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Sampel ini dipilih daripada pelbagai karakter supaya hasil kajiannya menjadi pelbagai (Merriam, 1998). Kajian kualitatif tidak menetapkan bilangan peserta dalam satu kajian. Menurut Bailey (2017) bilangan yang dipilih untuk persampelan bertujuan sentiasa kecil, yang penting ialah peserta yang dipilih itu kaya dengan informasi untuk kajian yang sistematik. Soalan yang ditanyakan kepada tiga informan yang juga pengarah filem tersebut berkisar mengenai situasi sebenar industri untuk meneroka permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di negara ini. Setiap temubual dirakam secara audio dan proses mentranskripsikan data-data secara verbatim merupakan langkah pertama yang dilakukan setelah selesai sesi temubual. Selepas itu, data yang telah ditranskripsikan dibaca berulang kali untuk memperolehi kefahaman yang mendalam sebelum dikategorikan. Proses

temubual dihentikan pada informan ketiga kerana sudah mencapai tahap ketepuan. Ketiga-tiga informan secara berulang telah mengkategorikan permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia kepada enam faktor seperti yang dibincangkan selanjutnya.

Dapatan Kajian: Permasalahan Tenaga Modal Insan dalam Industri Filem di Malaysia

Berdasarkan kepada perbincangan kumpulan fokus bersama tenaga pekerja modal insan dalam industri perfileman di Malaysia, beberapa permasalahan berkaitan fokus yang dikaji di Malaysia telah dikenalpasti.

Dapatan 1: Kekurangan Dana dan Modal

Menerbit dan menghasilkan filem adalah tidak semudah seperti yang disangkakan. Di seluruh dunia, pelbagai masalah menimpa pengarah dan penerbit filem sehingga memaksa mereka melakukan sesuatu di luar jangkaan. Pengarah terkenal, Francis Ford Coppola terpaksa menggadaikan harta dan rumahnya untuk menyiapkan filem *Apocalypse Now*. Perkara sama turut dilakukan Robert Aldrich untuk menyiapkan filemnya yang berjudul *Dirty Dozen*. Pihak produksi filem *William The Conqueror* terpaksa membatalkan penggunaan khidmat pengarah Michael Winner kerana masalah kewangan, manakala penerbit filem *Planet of The Apes*, Arthur P. Jacobs mengalami kesukaran untuk memulakan penggambaran dan terpaksa menunggu hampir tiga tahun. Di Timur pula, tokoh filem Jepun terkenal, Akira Kurosawa didakwa pernah cuba untuk membunuh diri selepas gagal mencari penerbit untuk melaksanakan sebuah projek perfileman, manakala Manoj Kumar seorang penerbit, pelakon utama, penulis skrip dan pengarah filem dari India hampir gila selama 4 bulan setelah filem terbesarnya gagal di pasaran dan menerima kerugian besar. Pelbagai faktor perlu diambil kira, ada antaranya dapat diramalkan tidak kurang juga berlaku perkara-perkara yang tidak dapat diduga. Menurut para informan, antara permasalahan yang wujud di dalam industri filem di Malaysia adalah masalah kekurangan dana. Dari peringkat pra-produksi hingga kepada pasca-produksi, kesemua pihak perlu berkerjasama rapat untuk menghasilkan sebuah filem yang berjaya

menepati pihak produksi. Kekurangan alatan atau barang teknik perlu ditangani di peringkat akan kerana ia akan menyebabkan perjalanan produksi terganggu, perbelanjaan meningkat, mengganggu jadual penggambaran dan pelbagai implikasi lain.

Kegagalan sesebuah filem selalunya berkaitan dengan masalah kekurangan modal. Isu kekurangan modal adalah isu global dalam industri perfileman dan ia masih dihadapi sehingga ke hari ini, termasuk di Malaysia. Para informan berpendapat, segelintir dari pelabur dan peniaga melihat industri perfileman sebagai kurang berpotensi untuk mengaut keuntungan yang besar, maka percubaan mendapatkan dana samada daripada bank atau pelabur adalah amat sukar. Apatah lagi buat masa ini kos pengeluaran dan penyewaan barangan teknikal bagi pembikinan filem terus meningkat. Selain daripada itu, bayaran untuk pelakon juga semakin tinggi dan usaha untuk mendapatkan penajaan juga menjadi semakin sukar.

Di Malaysia, kos purata pembikinan sesuatu filem cereka pada 2009 ialah RM1.5 juta, berbanding dengan RM350 juta (USD100 juta) di Hollywood. Bagaimanapun, RM1.5 juta itu masih merupakan jumlah wang yang banyak untuk dilaburkan dalam satu perniagaan yang berisiko. Walaupun terdapat pelbagai cabaran dalam pembuatan filem di negara ini, dalam tempoh empat tahun yang lalu, 2005 hingga 2008, industri ini telah menunjukkan peningkatan penonton di pawagam mengikut kajian AC Nielsen Media Research, iaitu 254,000 penonton seminggu pada 2007 ke 277,000 penonton seminggu pada 2008. Perkembangan ini juga disokong oleh peningkatan kutipan kasar dari 26 tayangan filem tempatan berjumlah RM50.8 juta dan pertambahan jumlah skrin di panggung wayang yang kini mencecah 485 skrin pada 2009, berbanding dengan RM29.6 juta dan 353 skrin pada 2007 (Laporan FINAS, 2010).

Dapatan 2: Mutu Skrip

Para informan berpendapat, permasalahan industri filem di Malaysia banyak disumbangkan oleh skrip yang tidak bermutu, longgar dan lemah serta tidak diperbaiki walaupun telah melalui pelbagai proses penambahbaikan. Namun, para informan mendakwa, masih ada penerbit

dan pengarah filem yang peka terhadap perkara ini. Sebagai contoh, Yusri Abdul Halim telah melakukan pembetulan skrip *Hikayat Merong Mahawangsa* sebanyak 13 kali. Beberapa elemen juga ditukar menjadi metafora untuk menambahkan minat terhadap tontonan filem tersebut. Sebagai contoh, burung garuda ditukar menjadi sebuah kapal untuk menampilkan unsur Hollywood dalam filem tersebut. Para informan menambah, citarasa penonton filem berbeza-beza mengikut faktor umur, bangsa, agama dan budaya. Penerbit filem harus mempunyai sasaran penonton terlebih dahulu bagi memastikan filem yang dihasilkan mendapat sambutan. Pada waktu yang sama, disarankan agar penerbit dan pengarah untuk memperbanyakkan bahan bacaan bagi mendapatkan idea baru untuk menghasilkan sebuah skrip yang lebih berunsur realisme dan berkualiti. Selain membaca, penontonan filem-filem luar dari pelbagai negara juga digalakkan bagi menghasilkan satu skrip yang baru dan berbeza. Penulis skrip pula haruslah peka dengan sesuatu yang baru atau isu terkini. Kebangkitan Islam (*Islamophobia*), keruntuhan institusi keluarga, keruntuhan akhlak, penglibatan remaja dan jenayah serta isu globalisasi yang dihadapi dunia seharusnya dijadikan panduan untuk menghasilkan skrip filem yang bertema agama, kasih sayang, nasihat, pedoman dan kekeluargaan. Para informan juga berpendapat bahawa, penulisan dalam bentuk seperti ini adalah satu amal jariah dan dakwah secara tidak langsung dan ia lebih baik dari menulis sebuah skrip yang mengandungi adegan seks, berunsur tahyol, ganas dan elemen-elemen hiburan yang melalaikan seperti apa yang berlaku pada hari ini. Bagi informan, filem sebagai satu bahan berpengaruh haruslah digunakan dengan sebaiknya sebagai bahan perantara untuk menasihati bagi menzahirkan kebaikan.

Dapatan 3: Ketiadaan Kerjasama di antara Penulis dan Krew Filem

Para informan berpendapat, industri filem di Malaysia juga berhadapan dengan keadaan di mana, wujud sikap kurang bekerjasama antara penulis dengan pekerja filem dan ini menyukarkan martabat dan kualiti penerbitan filem tempatan diangkat ke peringkat yang lebih baik. Para informan menyarankan agar penulis skrip dan krew produksi untuk melemparkan sifat ego dan sentiasa bekerjasama antara satu sama lain untuk penghasilan filem yang baik dan mengikut jadual.

Dapatan 4: Ketiadaan Skrip Simpanan dalam Bank Skrip di FINAS

Penubuhan Bank Skrip di FINAS bertujuan membolehkan sesebuah skrip disimpan di suatu tempat bagi memudahkan ia dicapai pihak ketiga sekiranya ketandusan idea. Namun para informan mendakwa, idea menerbitkan sebuah lokasi pengumpulan skrip ini dilihat gagal dipraktikkan produksi tempatan dan tidak mendapat sambutan di kalangan prosedur. Di Hollywood, kaedah ini telah lama dipraktikkan dengan studio-studio mempunyai bank skripnya tersendiri.

Bank Skrip ini juga gagal mendapatkan skrip daripada penulis skrip tempatan. Difahami kerana sehingga hari ini kurang dari 20 buah skrip disimpan di dalam bank tersebut. Kalangan penulis skrip hari ini juga dikatakan enggan meminta nasihat dari FINAS mengenai skrip yang dihasilkan mereka malah gemar menghantar sesebuah skrip tersebut terus kepada syarikat produksi pilihan mereka dengan harapan ia akan diterbitkan sebagai sebuah filem. Lebih malang, ada juga yang menjadi mangsa apabila skrip diambil namun royalti bayaran atau penghargaan tidak diberikan kepada penulis tersebut.

Menurut informan, para penerbit juga dilihat tidak memanfaatkan Bank Skrip tersebut dan lebih gemar menggunakan khidmat penulis skrip yang tidak mempunyai latihan atau kelulusan akademik. Bagi sesetengah penerbit pula, mereka gemar menggunakan khidmat penulis skrip tetap dan enggan untuk memberikan peluang kepada khidmat penulis skrip yang baru.

Dapatan 5: Perebutan Slot Tayangan

Menurut para informan, salah satu sebab kemerosotan kadar penontonan filem di Malaysia adalah disebabkan sikap penerbit yang berebut untuk mendapatkan slot tayangan pada hari dan musim tertentu. Sebahagian penerbit melihat kaedah ini sebagai satu dari kaedah untuk menarik penonton ke panggung. Tidak dinafikan, banyak filem yang berjaya menerusi kaedah ini tetapi, tidak kurang juga ada yang gagal kerana pilihan filem tempatan yang pelbagai dalam waktu yang singkat.

Para informan berpendapat, kaedah ini hanya boleh dianggap berjaya sekiranya tiada filem-filem Hollywood yang hebat disiarkan pada minggu yang sama. Sudah tentu, penonton di Malaysia lebih cenderung memilih untuk menonton filem Hollywood berbanding filem tempatan dan trend ini bukanlah sesuatu yang baru. Penerbit tempatan juga menyedari jika filem mereka 'bertembung' dengan filem-filem yang mempunyai elemen komersil yang tinggi dari Hollywood; sebagai contoh tema atau jalan cerita yang menarik, penggunaan pelakon popular mahupun kesan khas, filem tempatan akan kerugian.

Dapatan 6: Kelemahan Naratif

Para informan berpendapat, antara masalah utama industri filem di Malaysia adalah apabila penonton filem beranggapan filem-filem di Malaysia tidak mencabar, tidak ada pembaharuan dan tidak bermesej. Kisah yang dipaparkan di dalam filem-filem di Malaysia juga dianggap berulang. Filem-filem ini juga hanya sarat dengan kisah cinta, lawak bodoh, pemaparan figura makhluk halus, masalah sosial yang tidak berkesudahan dan sebagainya. Pemaparan visual juga lebih kepada imaginasi dari realiti.

Walau bagaimanapun, informan 2 berpendapat :

“ .. kita harus melalui proses-proses tertentu. Tetapi, proses-proses berikut akan menjadi mudah jika kita ada pengetahuan. Bagi saya, setiap individu harus tahu kekuatan diri sendiri dan aspek mana yang hendak dikuasai dahulu. Pada permulaannya kita tidak boleh menjadi pengarah terus, kerana kadang-kadang anda tidak faham *psychology effect* menjadi seorang pengarah sebab perlu faham apa partikel-partikel kecil yang ada dalam industri ini sebelum betul-betul mahu menjadi pengarah. Jadi, kalau tanya kepada saya mengenai hal ini, saya rasa setiap individu perlu tahu kekuatan pada diri sendiri dan dalam aspek mana yang ingin ditekankan dahulu dan juga tahu pendidikan yang ingin individu tersebut masuk untuk permulaan.”

Para informan merasakan bahawa sebuah filem yang baik harus mempunyai cerita yang baik dan digerakkan oleh plot utama yang

kukuh dan disokong dengan sub plot yang membantu jalan penceritaan. Ia juga harus mempunyai 'Human Interest Value' (HIV) bagi membuatkan penonton menghayati jalan cerita berterusan tanpa henti. Kegagalan menampakkan elemen HIV ini akan menyebabkan penonton bertindak keluar dari pawagam pada pertengahan jalan cerita. Selain itu, pengarah juga harus mampu berkomunikasi secara visual dan menterjemahkan skrip ke dalam filem menerusi penggunaan sudut yang baik.

Kesimpulan

Industri perfileman tempatan harus saling lengkap melengkapi. Hisham (2015) menyatakan bahawa "Malaysia harus belajar dari Singapura yang sedar kepentingan menyelaraskan segala hal pentadbiran dan gerak kerja industri supaya lebih bersepadu. Mereka (Singapura) melakukan semua ini kerana mereka jelas apa yang dimahukan untuk menjadi hub kepada industri kandungan di Asia. Semua harus lengkap melengkapi." Industri perfileman tempatan adalah sebuah industri yang mempunyai berpotensi tinggi. Bagi sesebuah industri yang kreatif, ianya perlu peka dan terbuka dengan penerimaan sebarang penambahbaikan dan sentiasa peka di dalam keadaan semasa dan sekeliling.

Pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan agensinya, FINAS yang sudah pun menjalankan pelbagai gerak kerja di dalam memartabatkan industri perfileman tempatan sehingga ke aras yang boleh dibanggakan kini. Tetapi, perkara yang perlu ditambah baik lagi adalah tentang pemahaman filem sebagai salah satu penjana ekonomi yang juga perlu seimbang dengan modal insan dan juga pertumbuhan di dalam apresiasi filem. Ianya amatlah penting bagi pentadbiran dan pengurusan industri perfileman tempatan ini untuk melahirkan bukan sahaja industri yang maju, namun juga mengubah kualiti hidup tenaga kerja dan masyarakat ke tahap yang lebih baik.

Rujukan

Abdul Rahman Ahmad (2006), *Pembangunan modal insan: Apa dan kenapa perlu dalam konteks organisasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Human Resources Academy.

- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim, dan Mazni Buyong, (1999). Pola Pengalaman Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia (Pattern of Professional Practice in the Malaysian Film Industry); Selangor, FINAS, Malaysia.
- Bailey, C. R., & Bailey, C. A. (2017). *A guide to qualitative field research*. Sage Publications.
- Corkin, D. M., Ekmekci, A., & Parr, R. (2018). The Effects of the School-Work Environment on Mathematics Teachers' Motivation for Teaching: A Self-Determination Theoretical Perspective. *Australian Journal of Teacher Education*, 43(6), 4.
- Fuziah Kartini Hassan Basri, Faridah Ibrahim, Mohd. Safar Hasim. (2009). *Penontonan Filem Cereka Di Malaysia: Tingkah Laku, citarasa, persepsi dan harapan*. Kuala Lumpur: FINAS.
- Hashim, H., Aziz, J., & Ibrahim, F. (2014). Filem dan revolusi teknologi: Persepsi Penggunaan CGI dari aspek estetik & kreativiti. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30, 95-106.
- Hisham, H. T. (2015). Cabaran industri filem Melayu, pandangan penggiat industri dan penonton (Tesis Kedoktoran tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail Sualman. (2007). Kebolehpasaran Graduan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, *Laporan Kajian Institut Pengurusan Penyelidikan*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Laporan FINAS. (2007). Kuala Lumpur : FINAS.
- Mauzy, J., & Harriman, R. A. (2003). Three climates for creativity. *Research-Technology Management*, 46(3), 27-30.
- Mohd. Adnan Hashim, Khairuddin Muhammad, Ismail Sualman. (2010). Kajian Keboleh Pasaran Graduan Penyiaran dan Perfileman di Malaysia. *Laporan Kajian FINAS*. Kuala Lumpur: FINAS.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Schultz, Theodore W. (1971), *Investment in human capital: The role of education and of research*. New York: The Free Press.
- Shafii, H., Musa, S., Meryam, S., & Abd Rahman, Z. (2009). Pembangunan modal insan ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dipetik daripada http://eprints.uthm.edu.my/2719/1/A2_Fullpaper_200_Haryati_et_al.pdf.

Tadić Vujčić, M., Oerlemans, W. G., & Bakker, A. B. (2017). How challenging was your work today? The role of autonomous work motivation. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 26(1), 81-93.

Wether, William B. (Jr) and Keith Davis. (1996). *Human Resources and personnel management*. Fifth Edition. New York: McGraw-Hill.